

## PENERIMAAN GOLONGAN ELIT MUSLIM TERHADAP AMALAN WAKAF PENDIDIKAN DI NEGERI PAHANG

### THE ELITE MUSLIM'S ACCEPTANCE OF EDUCATION WAQF PRACTICES IN PAHANG STATE

**Mohd Daud Awang<sup>1&4\*</sup>, Nur Amalina binti Mohamad Rosly<sup>2</sup>,  
Amini Amir Abdullah<sup>1</sup>, Hasri Mustafa<sup>3</sup>, Kamarulzaman Ismail<sup>3</sup>  
dan Nik Mohd Saiful W Mohd Sidika<sup>5</sup>**

<sup>1</sup>*Department of Civilization and Government Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia &*  
<sup>2</sup>*Former Student of Department of Civilization and Government Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia*

<sup>3</sup>*School of Business and Economics, Universiti Putra Malaysia*

<sup>4</sup>*Halal Products Research Institute, University Putra Malaysia,*

<sup>5</sup>*PhD Student of Department of Civilization and Government Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia.*

#### Abstract

#### Perkembangan Artikel

*This study aims to identify the elite's acceptance of education waqf practices in Kuantan Pahang. A total of 127 respondents were involved in this study consisting of 77 men and 50 women with an age range of 30 to 69 years from among the elite. For this study, the selection of respondents was based on random selection in the Bukit Istana area, Kuantan. The study data was then analyzed using the Static Package for the Social Science 22 software. All respondents were Muslim and consisted of government officials, private officials and businessmen with the majority being businessmen (55.1%), followed by private officials (24.4%) and government officials (20.5%). A total of 50.4% or 64 people were aware of the existence of educational waqf practices in Malaysia and the remaining 49.6% or 63 people said no. The results of the study show that there is no significant relationship between the background and the aspect of accepting the concept of educational waqf ( $r = -0.069$ ,  $p = 0.439$ ). While the background factor with the aspect of practicing educational waqf of the respondents has a significant relationship ( $r = -0.069^{**}$ ,  $p = 0.000$ ). This study also found that Muslims who have more property will tend to give waqf based on the respondents (the elite group) in Kuantan, Pahang.*

Diterima:

Disemak:

Diterbit: 31 Oktober 2022

\*Pengarang Koresponden  
Emel: [amdaud@upm.edu.my](mailto:amdaud@upm.edu.my)

**Keywords:** Education waqf, Muslim, the elite, Kuantan

## **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerimaan golongan elit terhadap amalan wakaf pendidikan di Kuantan, Pahang. Seramai 127 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 77 orang lelaki dan 50 orang wanita dengan julat umur 30 hingga 69 tahun dari kalangan golongan elit. Bagi kajian ini, pemilihan responden adalah berdasarkan pemilihan rawak di kawasan Bukit Istana, Kuantan. Data kajian kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statical Package for the Social Science 22. Kesemua responden adalah beragama Islam dan terdiri daripada pegawai kerajaan, pegawai swasta dan ahli perniagaan dengan majoriti adalah ahli perniagaan (55.1%), diikuti pegawai swasta (24.4%) dan pegawai kerajaan (20.5%). Sebanyak 50.4% atau 64 orang telah mengetahui kewujudan amalan wakaf pendidikan di Malaysia dan selebihnya sebanyak 49.6% atau 63 orang menyatakan tidak. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara latar belakang dengan aspek penerimaan konsep wakaf pendidikan ( $r = -0.069$ ,  $p = 0.439$ ). Manakala faktor latar belakang dengan aspek pengamalan wakaf pendidikan responden mempunyai perkaitan yang signifikan ( $r = -0.069^{**}$ ,  $p = 0.000$ ). Kajian juga mendapati bahawa umat Islam yang mempunyai harta yang lebih akan cenderung berwakaf berdasarkan responden adalah golongan elit di Kuantan, Pahang.*

**Kata Kunci:** Wakaf Pendidikan, Muslim, Golongan Elit, Kuantan

## **Pengenalan**

Wakaf merupakan satu amalan kebajikan yang membawa kebaikan kepada semua pihak sama ada umat Islam atau bukan Muslim. Konsep wakaf dalam al-Quran sangat banyak antaranya ayat yang menggalakkan untuk umat Islam melakukan amalan kebajikan seperti sedekah jariah, derma, hibah dan sebagainya. Sebagai contoh, firman Allah SWT yang bermaksud,: “Kamu sesekali tidak akan mencapai kebajikan yang sebenarnya sehingga kamu membelanjakan sebahagian daripada harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui” (Al-Imran:92). Demikian juga wakaf dapat difahami daripada Hadith seperti Hadith riwayat Muslim yang bermaksud: “Daripada Abu Hurairah r.a Nabi s.a.w bersabda: Apabila mati seseorang anak Adam, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan dia daripada anak-anak soleh yang mendoakan”. (Al-Nawawi: 1991).

Wakaf berasal dari kalimah bahasa Arab ‘waqf’ diambil dari kata kerja ‘fi’il’ ‘waqafa’ yang bermaksud menahan ‘al-habs’ dan menegah ‘al-man’ di mana ia merupakan kata terbitan atau masdar bagi waqafa yang bererti menahan sesuatu atau memenjarakan (Al-Sarakhsy & syams al-Din: 1996). Perkataan Waqf daripada kata kerja ‘waqafa’ yang sama ertiinya dengan habasa iaitu menahan, mencegah atau menghentikan (Sayyid Sabiq, 1990). Menurut Mahmud Saedon (1998) wakaf bermaksud terhenti, tertegah, terbeku atau tertahan. Secara umumnya wakaf memberi erti bahawa menahan sesuatu harta daripada pewakaf kepada pemegang amanah bagi harta yang menjadi milik Allah.

Menurut Ibn Hajar al-Haitami (2001), wakaf dalam konteks syariah sebagai: “Menahan harta yang boleh dimanfaatkan selama bendanya masih baik dengan cara memutuskan hak kepemilikan atas harta tersebut, dan dialihkan untuk kepentingan-kepentingan (awam) yang

diharuskan. Menurut Al-Qurtubi (1993), wakaf ialah mengeluarkan harta dan manfaat yang dimiliki ke jalan yang diredhai oleh Allah demi untuk menghampiri diri kepadaNya.

Wakaf juga dikenali sebagai sedekah atau amal kebajikan yang merupakan unsur yang dipandang tinggi dan perlu diperkuuhkan dan dikira sebagai tuntutan risalah Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud: “*Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahala-Nya)*” (Surah Ali Imran: 115). Wakaf dalam konteks ini dikenali sebagai sedekah jariah atau juga disebut sebagai *al-Sadaqatal-Muharramat*. (al-Syaukani, t.thn; al-Syirbini, 1994). Menurut Imam Abu Hanifah menyatakan wakaf sebagai penahanan sesuatu benda atau harta tetap dalam hukum pewakaf dan menggunakan hasilnya dan manfaat sesuatu itu untuk tujuan kebajikan (al-Zuhaili, 1989). Jumhur ulama’ iaitu golongan Shafie, golongan Hambali dan dua orang sahabat Abu Hanifah (Abu Yusuf dan Imam Muhammad) menyimpulkan wakaf sebagai menahan harta yang mungkin diambil manfaatnya, manakala ‘ain wakaf dikekalkan dengan melepaskan hak pengurusan dari pewakaf atas benda itu untuk digunakan bagi matlamat yang mubah yang nyata wujudnya atau dengan menggunakan hasil daripada benda itu untuk tujuan kebajikan bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT (Al-Sharbini, 1994, al-Zuhaili: 1989). Secara umumnya, harta yang diwakafkan tidak lagi menjadi pemilikan pewakaf dan secara automatiknya menjadi milik Allah SWT serta bersifat abadi dan tidak boleh ditarik semula (al-Kasani, 2003). Setelah hartanya diwakafkan, pewakaf tidak lagi mempunyai sebarang hak untuk menguruskan harta tersebut dan wajib penggunaanya untuk tujuan wakaf. (al-Zuhaili: 1989).

Wakaf dalam konteks amalan di Malaysia, ia memberi maksud bahawa menyerahkan mana-mana harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya bagi tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf yang diberikan adalah secara am atau khas menurut hukum syarak. Menurut Akta Pemegang Amanah 1949, wakaf bermaksud menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah. Berdasarkan peruntukan di dalam Jadual Kesembilan Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, pengurusan wakaf adalah di bawah pihak berkuasa agama negeri-negeri, iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Baharuddin Sayin et al., 2006).

Secara umumnya, amalan wakaf merupakan satu amalan yang memberi tumpuan kepada kebahagiaan masyarakat dan pewakaf akan berasa gembira setelah mewakafkan hartanya ke jalan yang diredhai Allah SWT dan dapat membantu golongan yang memerlukan. Bagi penerima wakaf pula, akan melahirkan rasa kesyukuran kerana keperluan mereka dapat dipenuhi. Amalan wakaf memberi hikmah yang besar kepada kedua-dua belah pihak (pemberi dan penerima wakaf) iaitu kegembiraan, kebahagiaan, dan kesyukuran dapat dipenuhi dan dikongsi dalam kehidupan sesebuah masyarakat tanpa menimbulkan sebarang konflik daripada mana-mana pihak.

## Konsep Wakaf

Konsep wakaf tertumpu kepada pembekuan atau pemegangan aset yang diwakafkan. Oleh itu, dalam pengurusan wakaf aspek kelestarian aset atau manfaatnya kepada penerima wakaf adalah suatu yang perlu dipastikan terlaksana dengan penuh amanah. Konsep seterusnya ialah pemilikan aset itu, ia dianggap sebagai milik Allah SWT. Ini menunjukkan bahawa pewakaf dan aset yang diwakafkan tidak mempunyai sebarang hubungan lagi selepas suatu kontrak pewakafan diwujudkan.

Konsep wakaf, dari pandangan ekonomi jelas menunjukkan bahawa Islam telah menyediakan satu kaedah agihan kekayaan untuk memastikan pembangunan ekonomi dapat dinikmati bersama-

sama oleh masyarakat selain zakat, hibah, kifarat, korban dan sebagainya. Amalan mewakafkan harta dibuat kerana ingin taqarrub kepada Allah kerana jaminan akan mendapat pahala yang berpanjangan. Wakaf sebagai mekanisme agihan semula adalah sangat unik. Hal ini adalah kerana pewakaf melakukannya dengan niat mendapat keredhaan Allah SWT. Allah SWT menggalakkan amalan berkongsi kekayaan dengan orang lain serta memberi amaran keras kepada golongan yang bersifat bakhil sebagaimana firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

“Ingatlah kamu ini adalah orang yang diseru supaya menafkahkan sedikit daripada harta benda kamu pada jalan Allah. Maka ada antara kamu yang bersikap bakhil. Sesiapa yang bersikap bakhil maka sesungguhnya dia hanyalah berlaku bakhil terhadap dirinya sendiri. (Ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun), sedangkan kamu semua fakir (yang sentiasa berhajat kepada-Nya pada segala hal). Jika kamu berpaling (daripada beriman, bertakwa dan menafkah), Dia (Allah) akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.” (Surah Muhammad 47:38)

Konsep wakaf merupakan ruang dan peluang umat Islam untuk membuat bekalan di akhirat yang cukup besar. Antaranya, Allah SWT telah menjanjikan ganjaran yang besar bagi mereka yang bermurah hati dalam membelanjakan harta mereka ke jalan yang direhái oleh Allah Yang Esa. Di dalam al-Quran, Allah berfirman yang bermaksud:

“Bandingkan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah (perbelanjaan derma) ialah seperti sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipat gandakan pahala (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya Lagi Maha Mengetahui.” (Surah al-Baqarah 2:261)

Sejarah Islam telah merakamkan pelbagai sejarah wakaf yang telah dilakukan oleh umat Islam dahulu. Antaranya, para sahabat Rasulullah S.A.W seperti Abu Talhah telah mewakafkan tembok Birha’, Umar bin al-Khattab yang mewakafkan tanah di Khoibar, seorang Yahudi yang masuk Islam telah mewakafkan tanah Muhairiq dan tembok kaum bani Najjar yang dibuat masjid oleh Rasulullah SAW dan ini menunjukkan amalan wakaf telah dipraktikkan di zaman para sahabat dan berkaitan dengan amalan yang dilakukan, mereka tidak pernah berniat untuk menerima sebarang ganti rugi dan amalan ini berterusan selepas zaman sahabat dengan tercetusnya pembukaan negara-negara Islam lain seperti Mesir, Syam dan lain-lain (Hasliza et al., 2014).

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Hasliza et. al (2014), didapati nilai dana wakaf yang dilakukan oleh masyarakat di negeri Selangor (hasil data daripada Perbadanan Wakaf Selangor) meningkat saban tahun iaitu daripada tahun 2011 hingga 2013 yang merangkumi dana wakaf am dan khas. Sebagai contoh, pada tahun 2011, dana wakaf am adalah sebanyak RM 2,007,775 manakala pada tahun 2013 kutipan dana adalah sebanyak RM 6,251,011 yang mana peningkatan adalah sebanyak dua juta setahun. Bagi dana wakaf khas, menunjukkan peningkatan sebanyak RM 15 juta yang mana pada tahun 2011, kutipan adalah sebanyak RM 3,742,225.80 manakala pada tahun 2013 sebanyak RM 18,081,390.29. Ini menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat terhadap kepentingan wakaf yang membawa kepada kesejahteraan masyarakat mulai meningkat.

## **Wakaf Pendidikan**

Hukum wakaf adalah sunat dan ia memberikan pahala yang berterusan kepada penyumbang walaupun telah meninggal dunia. Harta wakaf telah dibangunkan sejak pada zaman Rasullullah

SAW dan para sahabat baginda. Ia bertujuan untuk membangunkan ekonomi dan pendidikan umat Islam. Seperti contoh, Universiti Al-Azhar yang terletak di Mesir, dibiayai hasil daripada sumbangan harta wakaf dan melalui institusi yang terkenal itu dan telah melahirkan ramai cendiakawan Islam dari seluruh benua di dunia. Universiti Oxford yang terletak di England juga merupakan salah satu institusi yang dibangunkan hasil daripada modal endowmen pendidikan atau dalam Islam ialah wakaf pendidikan.

Wakaf pendidikan bermaksud ialah sebuah badan organisasi atau institusi yang dibina menggunakan sumbangan ahli masyarakat Islam atau institusi tersebut dibina di atas tanah atau bangunan yang diwakafkan bagi tujuan pendidikan serta melahirkan masyarakat Islam yang mukmin, soleh dan muttaqin adalah tujuan utama wujudnya institusi wakaf ini (Ahmad Zaki Hj Abd Latif, 2008). Wakaf pendidikan amat bertepatan dengan hadith riwayat Muslim di mana Rasulullah SAW bersabda mengenai amalan wakaf ini diberikan ganjaran pahala yang berterusan meskipun si pewakaf sudah meninggal dunia:

Maksudnya: Apabila telah mati seorang manusia, maka terputuslah baginya pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya. (Al-Nawawi: 1991)

Ini menunjukkan bahawa pendidikan merupakan salah satu matlamat atau tujuan amalan wakaf yang disebut dalam hadith sebagai ilmu yang bermanfaat. Justeru itu dengan wakaf pendidikan, ia dapat mewujudkan institusi pendidikan melalui sumbangan wakaf. Wakaf pendidikan juga dapat dipelbagaikan bentuk bantuan seperti membantu golongan yang kurang berkemampuan dan mengalami masalah kewangan untuk menuntut ilmu dan bantuan pelbagai program keilmuan. Menerusi wakaf, umat Islam dapat berperanan dalam pembangunan pendidikan serta membentuk peribadi umat Islam ke arah hartawan Muslim yang sejati. Oleh itu, jelaslah bahawa wakaf pendidikan adalah bertujuan bagi membangunkan pusat keilmuan seperti Maahad, sekolah, kolej, universiti dan sebagainya. Di samping itu, manfaat wakaf dapat dijadikan pelbagai bantuan kepada pelajar serta memperkasakan institusi pendidikan yang mana tujuannya ialah menimba ilmu pengetahuan serta memantapkan kehidupan masyarakat berteraskan ilmu.

Secara umumnya, wakaf pendidikan dapat difahamkan sebagai sesuatu harta yang disumbangkan dengan tujuan wakaf seperti barang, aset atau wang tunai untuk diagihkan kepada bidang pendidikan secara langsung atau sebaliknya. Menurut Raja Nor Ashikin dan Nor ‘Adha (2014) antara tujuan utama wakaf pendidikan dilakukan bagi mengelakkan kebergantungan terhadap dana yang diberikan oleh pihak kerajaan. Namun demikian, institusi pendidikan wakaf bertaraf universiti secara khusus masih belum dipraktikkan di Malaysia. Wakaf pendidikan dalam kalangan masyarakat Malaysia lebih difahami sebagai sumbangan kepada sekolah pondok atau madrasah-madrasah agama. Oleh itu, usaha menjadikan wakaf pendidikan berada dalam arus perdana perlu dikaji lebih dalam oleh pihak yang berwajib agar konsep dan objektif yang diusulkan dapat dicapai demi kemajuan umat Islam.

Pembentukan pengajian di institusi-institusi kian mencanak tinggi setanding bidang pengajian yang ditawarkan seperti perubatan, kejuruteraan, teknologi, sains angkasa dan banyak lagi. Oleh yang demikian, para pelajar yang berniat untuk meneruskan pengajian mengambil keputusan untuk membuat pinjaman daripada badan-badan yang menawarkan pinjaman wang pengajian seperti Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan yayasan-yayasan negeri. Oleh yang demikian setelah tamat pengajian kelak, mereka perlu membuat pembayaran balik jumlah pinjaman mereka. Dalam keadaan seperti inilah wakaf pendidikan boleh memainkan peranan

dalam membantu pelajar yang berasal daripada golongan yang kurang berkemampuan dalam melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi.

## **Masalah Kajian**

Pembentangan pengajian di institusi-institusi kian mencanak tinggi setanding bidang pengajian yang ditawarkan seperti perubatan, kejuruteraan, teknologi, sains angkasa dan banyak lagi. Oleh yang demikian, para pelajar yang berniat untuk meneruskan pengajian mengambil keputusan untuk membuat pinjaman daripada badan-badan yang menawarkan pinjaman wang pengajian seperti Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan yayasan-yayasan negeri. Oleh yang demikian setelah tamat pengajian kelak, mereka perlu membuat pembayaran balik jumlah pinjaman tersebut. Dalam keadaan seperti inilah wakaf pendidikan memainkan peranan dalam membantu pelajar yang berasal daripada golongan yang kurang berkemampuan dalam melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi.

Utusan Online pada Jun 2014 yang ditulis oleh Noor Inayah katanya, telah berlaku revolusi wakaf dalam kalangan masyarakat kini. Fahaman yang berpandangan bahawa wakaf hanya berkaitan tanah atau bangunan bagi tujuan masjid, surau dan pondok pengajian adalah suatu pandangan yang jumud. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kefahaman masyarakat yang memahami secara traditional sahaja. Kini transformasi peringkat pengajian tinggi telah berlaku di mana terdapat beberapa universiti tempatan mula melakukan penjanaan kewangan universiti menerusi konsep wakaf pendidikan atau wakaf ilmu. Antara universiti yang komited dengan transformasi ini adalah Universiti Putra Mapaysia, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Umumnya, semua universiti di Malaysia telah mula memperkenalkan penjanaaan melalui amalan wakaf di universiti masing-masing.

Memandangkan kurangnya kajian wakaf yang memfokuskan kepada aspek penerimaan masyarakat mengenai amalan wakaf pendidikan maka kajian ini telah memilih tajuk tersebut. Fokus pengkaji adalah sejauhmana golongan elit menerima amalan wakaf. Kajian ini telah memilih kawasan kajian di kawasan perumahan golongan elit dan berstatus tinggi di Kuantan, Pahang.

## **Metod Kajian**

Kajian ini menggunakan metod kuantitatif iaitu menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden dan dikutip semula serta dianalisis oleh pengkaji. Data kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science version 22 (SPSS)* yang merupakan sistem khusus untuk menganalisis data. Kelebihan sistem ini adalah untuk menganalisis dan menjadualkan data serta menguruskan data analisis dengan mudah.

Pengkaji menggunakan kaedah korelasi *Pearson*. Kaedah korelasi *Pearson* adalah untuk mengukur hubungkait antara dua pembolehubah. Korelasi *Pearson* digunakan oleh penyelidik dalam membantu menganalisis hipotesis yang telah dibuat dengan membuktikan sama ada hipotesis tersebut adalah signifikan atau sebaliknya. Jika keputusan ujian yang dilakukan menunjukkan signifikan, ia membuktikan terdapat hubungkait antara pembolehubah tersebut dan hipotesis yang dinyatakan oleh pengkaji adalah benar dan jika keputusan menunjukkan hasil yang sebaliknya, bermakna hipotesis yang dibuat ditolak. Hasil yang membuktikan hipotesis kajian pengkaji signifikan dan diterima adalah apabila signifikan ( $p$ ) lebih kecil daripada alpha ( $\alpha$ ) ( $p < \alpha$ ). Namun demikian, apabila  $p$  menunjukkan lebih besar daripada  $\alpha$  ( $p > \alpha$ ), penyelidik

menyimpulkan bahawa hubungkait atau perkaitan hipotesis yang dilakukan adalah tidak signifikan.

Secara khususnya, kajian ini dijalankan dengan pengedaran borang soal selidik kepada responden secara rawak terfokus. Kajian dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji penerimaan golongan elit terhadap amalan wakaf pendidikan. Responden melibatkan dua kawasan perumahan golongan elit di daerah Kuantan, Pahang iaitu di Bukit Istana dan Astana View. Kajian ini dijalankan dalam kalangan golongan elit kerana ini ingin mengetahui sejauh mana penerimaan amalan wakaf yang dilakukan dalam golongan elit dalam aspek pendidikan.

Kajian yang dijalankan ini menggunakan borang soal selidik yang telah dibentuk berdasarkan objektif kajian dalam mendapatkan data daripada responden. Borang soal selidik yang telah dicetak akan diedarkan oleh pengkaji secara pensampelan rawak mudah kepada responden golongan elit di kawasan kajian yang telah dipilih iaitu Bukit Istana yang berada di daerah Kuantan, Pahang.

Menggunakan borang soal selidik merupakan satu teknik yang berstruktur dalam mendapatkan data yang mengandungi beberapa siri soalan, bertulis atau lisan yang dijawab oleh responden (Mahotra, 2007). Melalui borang soal selidik yang diedarkan, responden berpeluang untuk membuat penilaian atau pilihan berdasarkan pilihan jawapan yang telah disediakan. Disamping itu juga, dengan menggunakan borang soal selidik, pengkaji akan memperoleh maklumat daripada borang soal selidik yang telah dikutip dengan kepelbagaiannya jawapan daripada responden.

Bagi mendapatkan jawapan yang tepat daripada responden, pengkaji menggunakan skala likert dan bentuk struktur bagi pilihan jawapan berdasarkan setiap soalan yang terdapat dalam borang soal selidik tersebut. Struktur soalan yang terdapat dalam borang soal selidik menggunakan pengukuran rasa sangat tidak setuju hingga sangat setuju bagi setiap pernyataan yang di dalam soalan yang dikemukakan. Penyelidik telah menetapkan lima skala Likert iaitu daripada sangat tidak setuju hingga sangat setuju dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada responden.

#### Contoh/Example

1. Sangat tidak setuju (STS)/Strongly disagree (SD)
2. Tidak setuju (TS)/Disagree (D)
3. Tidak pasti (N)/Neutral (N)
4. Setuju (S)/Agree (A)
5. Sangat setuju (SS)/Strongly agree (SA)

Contoh soalan yang terkandung dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada responden ialah:

Wakaf pendidikan yang diamalkan oleh golongan elit dapat membantu masyarakat dalam meningkatkan ilmu pengetahuan mereka.

1-----2-----3-----4-----5

Korelasi merupakan penelitian yang dilakukan untuk mengetahui hubungan antara dua pembolehubah atau lebih tanpa memberikan perlakuan terhadap data yang sudah ada. Kaedah ini digunakan untuk mengumpul data berdasarkan faktor demografi responden. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat mengenalpasti adakah wujud hubungkait antara faktor demografi yang merangkumi jantina, umur, jumlah pendapatan dan pekerjaan terhadap penerimaan golongan elit dalam amalan wakaf pendidikan.

## **Objektif Kajian**

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti penerimaan golongan elit terhadap amalan wakaf pendidikan di Negeri Pahang. Kajian ini mempunyai 2 objektif khususnya iaitu:

1. Untuk mengenalpasti hubungan antara latar belakang demografi golongan elit (jantina, umur, pekerjaan dan pendapatan) dengan penerimaan konsep wakaf pendidikan.
2. Untuk mengenalpasti hubungan antara latar belakang demografi golongan elit (jantina, umur, pekerjaan dan pendapatan) dengan amalan wakaf pendidikan yang dilakukan.
3. Untuk mengenalpasti hubungan antara penerimaan konsep wakaf pendidikan dan penerimaan amalan wakaf pendidikan yang dilakukan oleh golongan elit.

## **Analisa Kajian Lepas**

Wakaf pendidikan merupakan wakaf yang makin dipraktikkan dan dikenali oleh masyarakat dalam bidang pendidikan di Malaysia (Maffuza & Noor Syahida, 2014). Namun demikian, masih terdapat segelintir masyarakat kurang maklum terhadap wakaf yang dilakukan bagi bidang pendidikan berbanding wakaf harta, tanah dan bangunan yang diketahui umum. Wakaf pendidikan juga dikenali sebagai wakaf ilmu yang menyumbang kepada pembangunan pendidikan ummah. Wakaf ini dapat membantu keperluan kewangan pelajar seperti dijadikan dermasiswa. Pengagihan bantuan Dermasiswa Asasi dan Dermasiswa Penyelidikan yang diagihkan oleh Universiti Putra Malaysia merupakan satu usaha institusi tersebut dalam memajukan tahap pendidikan dalam golongan pelajar ( Maffuza & Noor Syahida, 2014).

Wakaf pendidikan merupakan bukan sesuatu yang baru kerana ianya telah dipraktikkan oleh negara Islam lain dan barat sejak dahulu lagi. Di Malaysia, wakaf hanya menfokuskan kepada pembangunan sekolah-sekolah agama dan madrasah serta maahad tanpa masyarakat dan pihak terlibat menyedari bahawa sumbangan yang disalurkan ke institusi pengajian tinggilah yang membantu dan memberi kemudahan kepada pendidikan umat Islam. Berdasarkan dana yang diberikan dan kebergantungan pihak institusi terhadap dana yang disalurkan perlu dikaji semula dan melaksanakan sebuah institusi yang berkonseptan wakaf perlu didirikan seperti Universiti Oxford di United Kingdom dan Universiti Al-Azhar di Mesir (Raja Nor Ashikin & Nor Adha, 2014).

Masyarakat pada kini lebih berfikiran terbuka seiring dengan zaman teknologi yang membolehkan capaikan maklumat dilakukan dengan mudah. Institusi wakaf diluaskan dengan kewujudan dan idea dalam kepelbagaiannya konsep wakaf seperti wakaf tunai, saham wakaf dan wakaf pendidikan dengan membuka ruang kepada golongan yang dapat memperoleh manfaat hasil daripada wakaf yang diamalkan. Kini, wakaf tidak dilakukan untuk keagamaan semata tetapi juga diperkenalkan sebagai satu bentuk sumbangan kepada lapisan masyarakat untuk kegunaan bersama selama ianya tidak bertentangan syarak (Hasliza et al., 2014).

Beberapa negara barat seperti Britain dan Amerika Syarikat mula melihat wakaf sebagai satu elemen yang boleh dipraktikkan oleh mereka dalam meningkatkan taraf pendidikan di universiti di dalam negara mereka. Secara tidak langsung, ini memberi gambaran kepada umat Islam bahawa negara barat elemen yang diterapkan oleh agama Islam merupakan elemen yang membawa kepada kebaikan kepada seluruh lapisan masyarakat. Kewujudan universiti terkemuka di dunia seperti Universiti Oxford dan Universiti Cambridge di Britain dan Universiti Harvard dan Universiti Stanford di Amerika Syarikat adalah universiti-universiti yang

berasaskan wakaf yang kukuh sumbangan daripada masyarakat. Fakta ini dikukuhkan lagi dengan laporan bahawa Universiti Harvard merupakan antara universiti termewah dengan aset wakaf melebihi US\$30 billion (Najibah Mustafa & Mohd Zamro Muda, 2014).

Konsep wakaf pada hari ini tidak tertakluk hanya kepada program-program semata-mata tetapi lebih berkembang kepada amal dan kebaikan serta kepentingan awam. Menerusi pandangan tersebut, dapat dilihat bahawa wakaf membawa kepada kebaikan dan kesejahteraan dalam hidup setiap lapisan masyarakat. Dalam konteks pendidikan sekolah di Malaysia, wakaf pendidikan merangkumi tiga keperluan dalam meningkatkan mutu pembelajaran dalam pelajar iaitu pembangunan dan kemudahannya, menampung kos operasi dan aktiviti kecemerlangan akademik, sahsiah dan kepimpinan. Lazimnya dana yang berbentuk wakaf ini adalah melalui sumbangan daripada pihak tertentu, ibu bapa pelajar dan persatuan alumni. Selain daripada aspek keperluan yang telah dinyatakan, wakaf pendidikan juga merangkumi bantuan kewangan bagi golongan pelajar yang memerlukan dalam sokongan dan bantuan bagi mereka meneruskan pembelajaran di sekolah yang mana mereka datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

Wakaf pendidikan merupakan wakaf yang sangat penting di Singapura dan menjadi sumber kekuatan Muslim dalam usaha membangunkan institusi pendidikan Islam di negara singa tersebut (Muna et al., 2015). Oleh yang demikian, latar belakang individu dalam bidang agama memainkan peranan dalam membangunkan dan mempertahankan institusi di negara tersebut.

Di Malaysia, wakaf pendidikan dipraktikkan melalui pembinaan pondoh, madrasah, maahad tahlif dan sekolah agama negeri (Najibah Mustafa & Mohd Zamro Muda, 2014). Namun kini, wakaf tidak hanya tertumpu kepada pembinaan dan insfrastruktur sahaja, malah ia turut berkaitan pembiayaan yuran dan bahan ilmiah seperti yang telah dilaksanakan di Universiti Putra Malaysia (UPM). Wakaf pendidikan merupakan antara salah satu elemen penting dalam melahirkan graduan minda kelas pertama di samping berpengetahuan tinggi, kreatif dan inovatif dalam menerajui bidang pendidikan negara. (Siti & Hairunnizam, W, 2014). Raja Nazrin (2013) telah bertitah untuk melakukan wakaf tanah bagi mendidikan tapak kampus pengajian sebuah institusi iaitu Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah. Selain daripada itu, beliau turut menitahkan agar institusi berkenaan perlu meneroka secara menyeluruh terhadap potensi wakaf yang ada dalam menjana sumber kewangan yang kukuh dan dikembangkan secara pesat. Berdasarkan laporan Sinar Harian (2012), Universiti Islam Malaysia yang beroperasi secara keseluruhan dengan sumbangan wakaf hasil daripada masyarakat dan institusi korporat merupakan institusi pendidikan tinggi Islam (IPTS) yang pertama yang ditubuhkan di Malaysia. Salah seorang penyumbang kepada institusi tersebut adalah Datuk Dr. Haron Din dengan sumbangan sebanyak RM 30,675.00 dan merupakan salah seorang bekas pelajar di Kolej Islam Malaysia (KIM).

Perkembangan wakaf pendidikan di Malaysia, jika dilihat dari sudut sejarah awal terdapat institusi pendidikan yang ditubuh di atas konsep wakaf seperti Sekolah Menengah Al-Attas, Pekan (Pahang), Sekolah Agama Arab Al-Masriyah, Bukit Mertajam (Pulau Pinang), Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang (Selangor) dan beberapa lagi institusi lain yang ditubuhkan dan menerima wakaf pendidikan daripada pihak yang terlibat (Maffuza & Noor Syahida, 2014). Manakala berdasarkan penulisan wakaf daripada perspektif sejarah Islam, sejak abad ketujuh (zaman awal Islam) amalan wakaf pendidikan telah dilaksanakan melalui sumbangan dan sukarelawan. Sebagai contoh, Pulau Sicily terletak di Itali semasa berada di bawah pemerintahan Islam, mempunyai 300 buah sekolah rendah dan ia juga termasuk bangunan dan peralatan sekolah bagi kegunaan pelajar. Contoh bandar Islam yang terdapat universiti Wakaf ialah Al-Quds, Damsyik, Baghdad dan Kaherah serta menawarkan pelbagai bidang seperti perubatan, kimia dan pengajian Islam. Antara universiti tersebut ialah Universiti Al-Azhar di Kaherah, Al-


Nizamiyah di Al-Mustansiriya, Baghdah dan Al-Qurawiyin di Fez. Dalam usaha ini masyarakat Islam telah mewakafkan ladang-ladang mereka di mana keuntungannya bagi menyediakan pelbagai bentuk kemudahan dalam mewujudkan universiti ini dan institusi seperti ini merupakan contoh institusi yang aktif dan inovatif (Nur Yuhani Ismon et al., 2015). Di Malaysia perkembangan wakaf bukan sahaja dalam pendidikan malah terdapat juga wakaf korporat. Sebagai contoh Johor Corporation berhad (JCorp) telah berjaya melakukan saham wakaf yang *musyatarik* dengan pembelian saham untuk tujuan memajukan harta wakaf mengikut syarat-syarat wakaf yang telah ditetapkan dengan tertubuhnya Wakaf An-Nur Corporation (WANCorp) pada tahun 2005. Sejak 1 April 2011, WANCorp ini menguruskan beberapa cawangan klinik dan hospital dibawah penjenamaan An-Nur di seluruh negara (<http://www.waqafannur.com.my>).

## **Hasil Analisa Kajian**

Kajian wakaf ini dijalankan di Kuantan yang melibatkan dua kawasan perumahan golongan elit di daerah Kuantan, Pahang iaitu di Bukit Istana dan Astana View. Seramai 127 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 77 orang lelaki dan 50 orang wanita dengan julat umur 30 hingga 69 tahun dari kalangan golongan elit. Kesemua responden adalah beragama Islam dan terdiri daripada pegawai kerajaan, pegawai swasta dan ahli perniagaan dengan majoriti adalah ahli perniagaan (55.1%), diikuti pegawai swasta (24.4%) dan pegawai kerajaan (20.5%). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerimaan golongan elit terhadap amalan wakaf pendidikan.. Borang soal selidik yang telah dicetak akan diedarkan oleh pengkaji secara pensampelan rawak mudah kepada responden golongan elit di kawasan kajian yang telah dipilih. Data kajian kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science 22*.

## **Demografi Responden**


### **Jantina**



Carta 1: Jantina

Carta 1 menunjukkan jumlah peratusan jantina responden yang terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 61% atau 77 orang responden adalah daripada golongan elit lelaki. Selebihnya, sebanyak 39% atau 50 orang responden yang terlibat dalam kajian ini adalah daripada golongan elit wanita. Ini menunjukkan bahawa lelaki ialah majoriti dalam hasil kajian ini. Namun demikian, jantina responden adalah maklumat asas sahaja dalam proses pengumpulan data dan tidak akan menjelaskan data lain yang diperlukan.


## **Umur Responden**



Carta 2: Umur Responden

Carta 2 menunjukkan kategori umur responden yang terlibat dalam kajian ini. Dalam borang kajian soal selidik, pengkaji menyediakan enam kategori pilihan umur kepada responden yang terlibat iaitu <30, 30-39 tahun, 40-49 tahun, 50-59 tahun, 60-69 tahun, dan >70 tahun. Namun demikian, seperti carta di atas, tidak terdapat responden yang berumur >70 terlibat dalam kajian ini sama ada lelaki maupun wanita. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 14% atau 18 orang responden berumur bawah 30 tahun dalam kajian ini. Seterusnya, terdapat sebanyak 10% atau 13 orang responden berumur 30-39 tahun yang menjawab soalan kajian selidik. Bagi kategori umur 40-49 tahun, sebanyak 30% atau 38 orang yang menjawab soalan kajian soal selidik ini dan sebanyak 40% atau 51 orang responden merupakan responden yang berumur 50-59 tahun. Kategori umur 60-69 tahun merupakan kategori paling rendah iaitu hanya sebanyak 6% atau 7 orang yang menjawab soalan selidik kajian ini.


## **Pekerjaan**



Carta 3: Pekerjaan

Carta 3 menunjukkan jenis-jenis pekerjaan responden yang terlibat dalam kajian ini. Seperti yang dapat dilihat dalam carta, responden yang bekerja sebagai ahli perniagaan adalah kumpulan yang tertinggi sebagai responden dalam kajian ini iaitu sebanyak 55% atau 70 orang responden. Ini disebabkan oleh kawasan kajian adalah di kawasan elit dan kebanyakan penduduknya adalah daripada golongan yang menjalankan perniagaan sendiri dan mempunyai pendapatan yang lumayan. Pekerjaan sebagai pegawai kerajaan adalah kumpulan yang paling rendah iaitu 21% atau 26 orang responden dan pegawai swasta sebanyak 24% atau 31 orang responden.


## Gaji Responden



Carta 4: Gaji

Carta 4 menunjukkan tahap gaji yang diperoleh oleh responden yang terlibat dalam kajian ini. Nilai pendapatan sebanyak RM10,000.00-14,000.00 adalah kumpulan pendapatan paling tinggi peratusnya iaitu sebanyak 31% atau 39 orang responden. Namun, tahap gaji ini adalah paling rendah yang ditetapkan oleh pengkaji dalam borang soal selidik kerana bersesuaian dengan kawasan kajian yang bertaraf kawasan elit. Tahap gaji dalam lingkungan RM15,000.00-19,000.00 merupakan kumpulan kedua tertinggi iaitu sebanyak 30% atau 38 orang responden. Sebanyak 10% atau 13 orang bagi lingkungan gaji bermula daripada RM20,000.00-24,000.00 dan 14% atau 18 orang responden dalam lingkungan gaji RM30,000.00-34,000.00 yang terlibat dalam kajian ini. Bagi pendapatan RM35,000.00-39,000.00 pula mencatat sebanyak 5% atau 6 orang responden dan >RM40,000.00 sebanyak 10% atau 13 orang responden yang berpendapatan dalam lingkungan ini terlibat dalam kajian yang telah dijalankan.

## Aset Responden



Carta 5: Aset responden

Carta 5 menunjukkan jumlah aset yang dimiliki oleh responden yang terlibat dalam kajian yang dijalankan. Kebanyakan responden mempunyai aset rumah sewa iaitu 40% atau 51 orang responden. Sebanyak 30% atau 38 orang responden mempunyai aset tanah yang mana dalam kajian ini tidak dinyatakan tanah tersebut diusahakan atas tujuan tertentu. Terdapat 10% atau 12 orang responden yang mempunyai aset bangunan dan rata-rata mereka bekerja sebagai ahli perniagaan. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 9% atau 12 orang responden mempunyai aset saham dalam usaha mendapatkan wang pulangan lebih berganda daripada nilai yang dilaburkan. Selebihnya, sebanyak 11% atau 14 orang responden tidak mempunyai aset atau mereka mempunyai aset lain yang tidak disenaraikan dalam borang soal selidik.

## **Faktor Demografi Responden Mempengaruhi Penerimaan Konsep Wakaf Pendidikan**

Jadual 1: Hubungkait antara latar belakang demografi golongan elit (jantina,umur, pekerjaan, pekerjaan dan pendapatan) dengan penerimaan konsep wakaf pendidikan.

<b>Variabel</b>	<b>Latar belakang demografi golongan elit</b>	
	<b>r</b>	<b>P</b>
Penerimaan	-0.069	0.439

Nota. \*p<0.05, \*\*p<0.01, \*\*\*p<0.001

Bagi menjawab objektif pertama, penyelidik menggunakan kaedah korelasi Pearson dalam menentukan hubungkait antara latar belakang demografi golongan elit dengan penerimaan konsep wakaf pendidikan. Kaedah ini juga digunakan untuk menentukan adakah latar belakang demografi responden mempengaruhi atau sebaliknya terhadap penerimaan wakaf pendidikan dalam kehidupan mereka. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara latar belakang demografi golongan elit dengan penerimaan konsep wakaf pendidikan kerana data menunjukkan  $r=-0.069$ ,  $p>0.05$ . Ini menunjukkan bahawa tiada perkaitan antara faktor latar belakang demografi responden dengan penerimaan amalan wakaf. Faktor latar belakang seperti seperti taraf pendidikan, jumlah pendapatan, umur, jantina dan aset yang dimiliki tidak mampu mempengaruhi penerimaan terhadap amalan wakaf.

## **Faktor Demografi Responden Mempengaruhi Penerimaan Amalan Wakaf Pendidikan**

Jadual 2: Hubungkait antara faktor latar belakang demografi golongan elit (jantina, umur, pekerjaan, pekerjaan dan pendapatan) dengan amalan wakaf pendidikan.

<b>Variabel</b>	<b>Latar belakang demografi golongan elit</b>	
	<b>r</b>	<b>P</b>
Amalan	-0.069**	0.000

Nota. \*p<0.05, \*\*p<0.01, \*\*\*p<0.001

Objektif kedua kajian adalah untuk melihat hubungan antara faktor latar belakang demografi responden seperti jantina, umur, jenis pekerjaan, jumlah pendapatan dan amalan wakaf pendidikan yang dilakukan oleh golongan elit. Berdasarkan rajah 2, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara faktor latar belakang demografi dengan amalan wakaf pendidikan dalam golongan elit kerana data menunjukkan  $r= -0.060**$ ,  $p=0.000$ ). Ini menunjukkan bahawa aspek latar belakang seperti jumlah pendapatan, jenis pekerjaan dan aset yang dimiliki memainkan peranan dalam mempengaruhi amalan wakaf dalam golongan elit. Individu yang berstatus golongan elit yang umumnya mempunyai pendapatan bulanan yang lumayan berpeluang untuk melakukan amalan wakaf pendidikan pada setiap tahun. Wakaf pendidikan yang dimaksudkan adalah wakaf secara tunai ke madrasah atau pusat pengajian, tanah, peralatan pendidikan, tanah lot dan sebagainya yang boleh digunakan dalam pembangunan sektor pendidikan.

## Hubungan Antara Penerimaan Konsep Wakaf Pendidikan dan Pengamalan Wakaf Pendidikan

Jadual 3: Hubungkait antara penerimaan golongan elit dengan amalan wakaf pendidikan yang dilakukan dalam kehidupan mereka.

Variabel	Penerimaan	
	r	P
Amalan	-0.549**	0.000

Nota. \*p<0.05, \*\*p<0.01, \*\*\*p<0.001

Dalam kajian ini, objektif ketiga adalah untuk melihat hubungkait antara penerimaan konsep wakaf pendidikan golongan elit dengan pengamalan wakaf pendidikan yang dilakukan oleh responden. Daripada hasil kajian, jadual 3 menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara penerimaan golongan elit dan amalan wakaf kerana data menunjukkan  $r = -0.549$ ,  $p=0.000$ . Ini menunjukkan bahawa apabila mereka menerima dengan baik konsep wakaf dan memahami erti wakaf, secara automatik akan melakukan amalan wakaf pendidikan tanpa mengira bentuk wakaf tersebut sama ada secara tunai, keperluan sekolah, pembayaran utiliti, lot tanah dan sebagainya yang melibatkan sektor pendidikan. Secara asasnya, wakaf pendidikan ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada lapisan masyarakat dalam mendapatkan pendidikan yang lebih baik.

### Penerimaan Konsep Wakaf Pendidikan Dalam Golongan Elit

Jadual 4: Penerimaan golongan elit terhadap konsep wakaf pendidikan

Penerimaan	Min	Sisihan Piawaian	n	(%)
<b>Wakaf Pendidikan dapat membantu meningkatkan taraf pendidikan golongan yang memerlukan</b>	3.76	0.636	69 (setuju)	54.3
Wakaf Pendidikan dapat meningkatkan bilangan pelajar yang berpeluang untuk meningkatkan pelajaran ke tahap lebih tinggi	3.84	0.672	67 (setuju)	52.8
<b>Wakaf Pendidikan dapat memupuk semangat berwakaf dalam golongan elit</b>	3.77	0.944	44 (setuju)	34.6
Wakaf Pendidikan dapat membentuk masyarakat celik ilmu	3.83	0.652	70 (setuju)	55.1
Peningkatan kesedaran mengenai <b>Wakaf Pendidikan</b> dikalangan pewakaf menyebabkan harta wakaf yang dikhurasukan untuk pendidikan <b>dimanfaatkan dengan baik oleh penerima?</b>	4.36	0.638	59 (setuju)	46.5
Adakah anda bersetuju amalan wakaf tunai yang diamalkan kini kepada <b>pusat pengajian Islam dijadikan sebagai Wakaf Pendidikan?</b>	3.18	0.849	59 (setuju)	46.5

Adakah anda bersetuju bahawa <b>wakaf tunai</b> bagi tujuan wakaf pendidikan adalah suatu wakaf yang sangat sesuai dan diperlukan pada masa kini?	3.42	0.868	64 (setuju)	50.4
Adakah anda bersetuju jika wakaf pendidikan yang disumbangkan hanya kepada <b>golongan pelajar</b> daripada golongan miskin, anak yatim dan asnaf sahaja?	3.80	0.759	70 (setuju)	55.1
Wakaf tunai mampu menjadi alternatif biasiswa kepada semua bidang pengajian ilmu yang menyumbang kepada syiar Islam?	3.94	0.814	64 (setuju)	50.4

Jadual 4 menunjukkan struktur soalan dalam borang soal selidik dan hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Nilai  $n$  di dalam jadual adalah nilai frekuensi yang tertinggi hasil daripada pilihan jawapan yang diberikan oleh responden dan hampir keseluruhan jawapan yang mencatat frekuensi tertinggi adalah *setuju*.

Sebanyak 54.3% atau 69 orang menyatakan setuju bahawa wakaf pendidikan dapat membantu golongan yang memerlukan. Ini kerana mereka beranggapan bahawa wakaf pendidikan yang sering disalurkan oleh badan berwajib adalah dalam bentuk tunai. Daripada kajian yang dilakukan, terdapat 52.8% atau 67 orang yang bersetuju bahawa wakaf pendidikan dapat meningkatkan bilangan pelajar yang berpeluang untuk meningkatkan pelajaran ke tahap lebih tinggi. Terdapat sesetengah kelompok masyarakat yang tidak mampu untuk membiayai yuran pendidikan anak-anak mereka. Melalui wang wakaf yang disalurkan, sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi setara dengan kebolehan yang mereka miliki.

Golongan elit bersetuju sebanyak 34.6% atau 44 orang dengan kenyataan bahawa wakaf pendidikan dapat memupuk semangat berwakaf dalam golongan elit. Hasil kajian menunjukkan terdapat juga beberapa orang daripada responden tidak bersetuju. Sebanyak 55.1% atau 70 orang bersetuju bahawa wakaf pendidikan dapat membentuk masyarakat celik ilmu. Ini menunjukkan bahawa golongan elit sedar bahawa pendidikan itu penting dalam kehidupan manusia dan menjadi perkara asas dalam kehidupan.

Dalam borang soal selidik yang diagihkan, terdapat juga soalan berkaitan penerimaan mereka terhadap wakaf pendidikan secara tunai. Terdapat sebanyak 46.5% atau 59 orang menyatakan persetujuan mereka terhadap amalan wakaf tunai yang diamalkan pada masa kini kepada pusat pengajian Islam dijadikan sebagai wakaf pendidikan. Persetujuan ini tidak melebihi separuh daripada peratusan jumlah responden dan ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa jumlah kecil responden yang tidak bersetuju dan sangat bersetuju dengan kenyataan ini. Mereka merasakan bahawa apabila menyalurkan wakaf secara tunai, ia lebih memudahkan pusat pengajian yang terlibat untuk menguruskan wang tersebut mengikut keperluan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar dan pusat pengajian itu sendiri.

Hasil kajian mendapati sebanyak 50.4% atau 64 orang bersetuju dengan konsep wakaf tunai bagi tujuan wakaf pendidikan adalah suatu wakaf yang sangat sesuai dan diperlukan pada masa kini. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, wakaf berbentuk tunai lebih menjadi keutamaan pada masa ini kerana ia digunakan mengikut keperluan pelajar dan pusat pengajian. Seperti

contoh, pusat pengajian atau pelajar menerima wakaf berbentuk buku dan alat tulis namun mereka tidak menerima wakaf sudut keperluan sekolah seperti seragam sekolah yang baru.

## Kesimpulan

Wakaf merupakan salah satu instrumen ekonomi Islam yang sangat penting. Sejarah Islam membuktikan bahawa banyak pembangunan telah dibina melalui instrumen ini seperti yang paling terkenal, Universiti Al-Azhar di Mesir. Ini menunjukkan bahawa wakaf dalam aspek keilmuan atau wakaf pendidikan adalah salah satu fokus utama dalam amalan wakaf dalam Islam. Melalui kajian ini, pengkaji ingin melihat sejauhmana penerimaan golongan elit terhadap amalan wakaf. Hasil kajian menunjukkan bahawa 55.1% atau 70 orang menyatakan setuju jika wakaf pendidikan yang disumbangkan hanya kepada golongan pelajar daripada golongan miskin, anak yatim dan asnaf sahaja. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia setuju dengan amalan wakaf pendidikan tetapi bagi golongan elit pengagihan wakaf pendidikan hendaklah kepada pelajar daripada golongan yang memerlukan atau asnaf. Penemuan kedua penting dalam kajian ini ialah 50.4% atau 64 orang bersetuju jika wakaf tunai dijadikan sebagai alternatif biasiswa kepada semua bidang ilmu yang menyumbang kepada syiar Islam. Secara umum dapatan menunjukkan penerimaan isu-isu wakaf pendidikan yang dikaji dalam kajian ini berada pada tahap sederhana.

## Rujukan

- Abdul Halim Sunny. (2007). *Dana Wakaf untuk Pendidikan Satu Tinjauan Awal*. Jurnal Pengurusan JAWHAR, 1(2), 33-44.
- Ahmad Zaki, A. L., Halim, A. R., Zuina, C. L., Kamarulzaman, S., & Norzaidi, M. D. (2008). *Wakaf, Pengurusan dan Sumbangannya terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*, University Publication Centre (UPENA), Universiti Teknologi MARA Malaysia.
- Al-Kasani, Ala' al-Din Abu Bakr ibn Mascud (2003), *Badai' al-Sana'i fi Tartib al-Syara'i*, Cetakan 2, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf bin Muri bin Hasan bin Husayn (1991), *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Qaherah: Mu'assasah Qurtubah.
- Al-Quran.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ahmad al-'Ansari (1993), *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*, 20 jilid, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad bin Khatib (1994), *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-'Alfaz al-Minhaj*, 6 Jilid, Makkah: Maktabah Dar al-Baz.
- Al-Syaukani, (t.th.), *Nayl al-Autar*, 4 jilid, Qaherah: Dar al-Hadith.
- Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali dan S. Salahudin Suyurno. (2006). *Pengenalan Pengurusan Wakaf di Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Hasliza et. al, (2014), *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.

Ibn Hajar al-Haitami, Syihab al-Din Ahmad ibn Hajar, (2001), *Tukhfah al-Muhtaj bi Syarh al-M Minhaj*, 4 Jilid, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Maffuza, S. & Syahida, N. A. R. (2014). *Wakaf Pendidikan di Malaysia: Satu Tinjauan, International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17 – 18 November 2014.*

Mahmud Saedon Awang Othman. (1998). *Peranan Wakaf di dalam Pembangunan Ummah. Al- Ahkam Jilid 6.* Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muna, S., Mokhtar, L., Isa, M. D. I., & Hairullfazli, M. S. 2015), *Perkembangan Wakaf Pendidikan di Singapura*, 1-11.

Najibah, M. dan Zamro, M. (2014). *Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*, 1(1), 45-47.

Nik Mustapha Nik Hassan. (2009). *Pendekatan Wakaf Dalam Membangun Ekonomi Masyarakat.* Malaysia

Nurul, H., Hakimi, M., & Sanep, A. (2013). *Wakaf Produktif dalam Pembangunan Pendidikan.* Kajian di Pondok Modern Darussalam Gontor, Indonesia. (3), 1303-1314.

Raja Nor Ashikin dan Dr Nor ‘Adha, (2014). *Kelestarian Wakaf dalam membangunkan Institusi Pendidikan*, 454-456.

Rusnadewi, A. R., & Rohayati, H. (t.t). *Meneroka Dimensi Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia*, 1-13.

Sanep, A. & Diyana, N. M. (2011). *Institusi Wakaf Pembangunan Ekonomi Negara. Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia.*

Sayyid Sabiq (1990), *Fiqh al-Sunnah*, 3 Jilid, Qaherah: al-Fath Li al-‘Ilam al-Arabi.

Siti, Z. A., & Hairunnizam, W. (2014). *Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia.*

Wahbah al-Zuhaili (1989), *Al-Fiqh al-Islami*, 9 Jilid, Dimasyq: Dar al-Fikr.

Yuhanis, N. I., Rahisam, R., Farhana., N. D., Shahrina, Romli., & Roslina, H. (2015). *Mekanisme Wakaf sebagai Instrumen Pendidikan Tinggi Swasta. Prospek dan Cabaran Kolej Universiti Islam Melaka sebagai IPTS*, 1-17.